

CNS1285

R GB 31-05 00158 BH027

AAB

Mahathir - Kotor

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Kuala Lumpur perlu meningkatkan kebersihannya daripada yang ada sekarang, apabila Malaysia mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju.

Perdana Menteri berkata, bandaraya Kuala Lumpur tidak seharusnya menjadi bandaraya kotor dan tidak teratur seperti yang banyak terdapat di negara maju sekarang.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa khas pembangunan Kuala Lumpur di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, di sini hari ini.

+Saya nampak sebuah bandar yang cantik, bersih, selesa, mempunyai sistem pengangkutan yang baik, penduduknya sedar tanggungjawab mereka tidak mahu mengotorkan bandar, tertib dan mereka semua mempunyai pendapatan yang baik,+ kata Perdana Menteri mengenai gambaran ibu negara menjelang tahun 2020.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan penduduk bandaraya ini bahawa mereka perlu membayar cukai tertentu seperti bayaran tol sekiranya mereka mahukan pelbagai kemudahan untuk keselesaan hidup di bandar. -- lagi

♥31/05/19-53MST

R GB 31-05 00183 BH029

AAB

Mahathir - Kotor 2 Kuala Lumpur

Kerajaan menyediakan banyak subsidi untuk bandar-bandar besar di negara ini dan ia perlu dikaji semula, katanya, dan memberi contoh bahawa kerajaan membelanjakan kira-kira \$1,000 juta untuk projek pembetungan di bandar.

Jika harga minyak dinaikkan untuk mendapatkan kewangan bagi menyediakan kemudahan bagi penduduk Kuala Lumpur, maka ia adalah tidak adil bagi penduduk lain, misalnya di Kuala Nerang atau di Kubang Pasu, katanya.

Mengenai jawatankuasa khas itu, Perdana Menteri berkata, ia bukan sahaja dianggotai oleh menteri-menteri tertentu tetapi juga Menteri Besar Selangor bagi menyelaraskan pembangunan Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.

Antara anggota jawatankuasa itu ialah Menteri Pengangkutan, Menteri Kewangan, Menteri Kerja Raya, Menteri Perusahaan Awam, Menteri Tenaga Telekom dan Pos, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Ketua Setiausaha Negara, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Ketua Polis Negara.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat hari ini membincangkan empat masalah umum di ibu kota iaitu perancangan bangunan seperti kondominium dan gedung perniagaan, sistem pengangkutan dan kesesakan lalu lintas serta pembesaran jalan (termasuk pembetungan dan perparitan), masalah setinggan, dan pencemaran udara. -- lagi

♥31/05/20-33MST

R GB 31-05 00155 BH030

AAB

Mahathir - Kotor 3 Kuala Lumpur

Mesyuarat itu bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa peringkat pegawai, terdiri daripada pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan beberapa majlis daerah berdekatan Kuala Lumpur untuk menyelaraskan urusan harian pembangunan Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya, katanya.

Mengenai masalah kesesakan lalu lintas, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masalah itu berlaku akibat bertambahnya bilangan kenderaan, yang masuk ke Kuala Lumpur.

Apabila ditanya tentang cadangan membina monorel untuk mengatasi kesesakan lalu lintas itu, beliau berkata, kerajaan akan membuat keputusan mengenai sistem pengangkutan seumpama itu tidak lama lagi.

Ketika ditanya mengapa beberapa projek yang diumumkan sebelum ini tidak dilaksanakan, Perdana Menteri berkata, masalah itu berlaku akibat kemelesetan ekonomi yang melanda negara pada tahun 1985.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa kerajaan juga memikirkan cadangan bagi mewujudkan zon larangan di kawasan tertentu di bandaraya ini sebagai salah satu langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas. -- lagi

♥31/05/20-37MST

CNS1300

R GB 31-05 00116 BH031

AAB

Mahathir - Kotor 4 Kuala Lumpur

Mengenai pembinaan kondominium di sekitar bandaraya, beliau berkata ia boleh menjimatkan penggunaan tanah untuk menempatkan lebih ramai orang berbanding dengan pembinaan banglo.

Kehidupan di kondominium juga lebih teratur dengan adanya pengurusan yang mengendalikan aspek keselamatan di samping menyediakan kemudahan rekreasi, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal dengan sikap sesetengah penghuni banglo yang merungut berhubung pembinaan kondominium berhampiran kediaman mereka, kononnya mereka tidak lagi mempunyai kebebasan.

Katanya, golongan berkenaan harus menerima perkara itu sebagai hakikat cara hidup di bandar.

Menurutnya, kerajaan akan berusaha memastikan pembinaan kondominium dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat dan bukan sahaja untuk golongan atasan. -- lagi

♥31/05/20-41MST

CNS1302

R GB 31-05 00166 BH032

AAB

Mahathir - Kotor 5 Kuala Lumpur

Apabila diminta pandangannya mengenai penggunaan nama barat untuk kondominium, beliau berkata perkara itu akan dipertimbangkan.

Mengenai masalah setinggan, beliau berkata, kerajaan sedia membantu menempatkan semula penduduk setinggan. tetapi setiap tindakan yang diambil untuk membantu mereka sering dianggap sebagai penindasan.

Beliau hairan masih ramai yang menganggap kerajaan sebagai tidak adil, sedangkan pihak berkuasa biasanya memberi notis awal kepada setinggan untuk berpindah, di samping memberi pampasan atau menyediakan rumah panjang kepada mereka.

Mengenai pencemaran alam, Perdana Menteri berkata, masalah itu disebabkan oleh kenderaan yang menggunakan petrol yang mempunyai plumbum atau disel serta kilang-kilang yang mengeluarkan asap dan pembakaran sampah.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, jawatankuasa itu akan mengadakan mesyuarat keduanya dua bulan lagi apabila sebuah peta besar mengenai Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya disiapkan.

Katanya, peta itu akan memudahkan jawatankuasa berkenaan mengenal pasti kedudukan bangunan-bangunan tinggi, laluan bas dan pembetulan serta perparitan di Kuala Lumpur untuk membuat perancangan. -- Bernama

♥31/05/20-43MST